

Pegawai JPS disyaki dalang curi balak

Keluar surat bersih kawasan empangan tanpa kebenaran

Oleh Mohamed Farid Noh
mfarid@bharian.com.my

BATU PAHAT: Pendedahan *Berita Harian* mengenai kegiatan pembalakan haram di Empangan Sembrong, di sini baru-baru ini membawa kepada terbongkarnya perbuatan seorang pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah mengeluarkan surat penyelenggaraan dan pembersihan kawasan tadahan air itu kepada syarikat kontraktor tanpa kebenaran serta pengesahan ketua jabatannya.

Ia terbongkar susulan laporan akhbar ini pada Sabtu lalu mengenai tindakan Pejabat Hutan Batu Pahat/Yong Peng menyita 75 pelbagai jenis balak dan 110 balak pendek bernilai RM23,000 sebelum sempat dikeluarkan pembalak haram

dari Hutan Empangan Sembrong, antara kawasan tadahan air utama di negeri ini.

Jurutera JPS Daerah Batu Pahat, Mokhtar Abdul Rahim, ketika mengesahkan perkara itu, berkata laporan polis sudah dibuat berikutan pencerobohan tanah rizab JPS di Empangan Sembrong, selain laporan kepada Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan Pejabat Hutan untuk tindakan lanjut.

Beliau berkata, surat kebenaran menyelenggara dan membersihkan itu bukan saja tidak mendapat pengesahan serta tandatangannya, malah dibuat tanpa pengetahuannya sebagai ketua jabatan di JPS Batu Pahat.

"Saya sudah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada pegawai terbabit supaya memberi penjelasan mengapakah surat kebenaran dikeluarkan

tanpa pengetahuan dan pengesahan saya.

"Ini mungkin inisiatif pegawai terbabit, tetapi ada beberapa perkara seharusnya tidak berlaku. Kuasa hanya pada saya dan pegawai berkenaan tidak wajar mengeluarkan surat begitu.

"Pegawai berkenaan sudah diberi surat tunjuk sebab. Saya akan mendengar penjelasannya dan jika terbukti pelanggaran etika, tindakan tatatertib setimpal akan dikenakan," katanya kepada *Berita Harian*, semalam.

Mengulas lanjut, Mokhtar berkata, pegawai itu ada memaklumkan bahawa ada pihak berminat melakukan kerja pembersihan kawasan empangan secara sukarela.

"Tetapi apa yang berlaku adalah surat kebenaran dikeluarkan tanpa pengesahan saya.